



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 29 SEPTEMBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM2.1MIL AGRICULTURE BOOST FOR FOUR MADANI VILLAGES, NATION, THE STAR, M/S – 5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	WARGA KPKM PERINTIS PROGRAM, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 13	
3.	PETANI DAKWA 300 LITER TIDAK MENCUKUPI, RAYU TAMBAH KUOTA BUDI95, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 6	
4.	BANTUAN SUBSIDI PETROL UNTUK PETANI, PESAWAH DISELARAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	
5.	ANCAMAN IKAN INVASIF, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	UNITE TO STRENGTHEN FOOD SECURITY, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4	LAIN – LAIN
7.	'AHLI AMANAH BOLEH USUL APA SAJA', NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	
8.	KASTAM RAMPAS MAKANAN SEJUK BEKU RM2.4J TIADA PERMIT IMPORT, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 22	
9.	TIGA KONTENA MENGANDUNGI MAKANAN SEJUK BEKU RM2.4 JUTA DISITA KASTAM, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

RM2.1mil agriculture boost for four Madani villages

TASEK GELUGOR: A total of RM2.138mil has been allocated for the development of various projects, particularly those related to agriculture and livestock farming, at the four Madani-adopted villages in this area.

Agriculture and Food Security (KPKM) Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the projects encompass 112.3ha of land in Kampung Guar Petai, Kampung Labuh Banting, Kampung Tok Jawa and Kampung Baru.

"Usually, one ministry has one Madani adopted village, but KPKM has four villages here to be developed, and the allocation involves RM1.878mil for the agriculture sector and RM260,514 for the livestock farming sector.

"These projects involve maintenance work on a 20,000m-long ditch, liming and levelling of 150ha of land, construction of support infrastructure and the provision of modern machinery, such as tractors and drones, as well as agricultural input assistance to control the attack of a fast-growing weed known as kela-di agas," he said.

He made this statement after launching the Kampung Guar



Rural potential: Mohamad (second from left) touring the area after launching the Kampung Guar Petai Agricultural Sector Empowerment Programme. — Bernama

Petai Agricultural Sector Empowerment Programme at the Kampung Labuh Banting Flood Relief Centre yesterday, Bernama reported.

Mohamad said the four villages were selected because he was

born and raised in the area, and he wants to continue developing these communities to bring added value to the residents.

He added that the implementation of the projects would increase the effectiveness of the drainage

and irrigation systems, reduce yield losses due to pest and weed attacks and improve the efficiency of padi farmers through the use of modern mechanisation.

"For the livestock subsector, a total of 10 breeders have also

received assistance for farm infrastructure, livestock breeds, machinery, equipment and livestock feed with an allocation of RM260,514, thus reducing operating costs and increasing competitiveness," he said, adding that the ministry also supports local entrepreneurial projects.

These initiatives reflected the government's determination to strengthen the agricultural sector in Penang so that it remains competitive, in addition to ensuring the country's food security, he added.

Mohamad urged youths to join the agro-food sector by leveraging new technologies, such as the Internet of Things, artificial intelligence, mechanisation and automation, in tandem with the Industrial Revolution 4.0.

"Digitalisation and modernisation will boost the country's agro-food sector and make it more competitive, effective and resilient.

"Such efforts will not only ensure the country's food security but also provide lucrative returns for the targeted groups and strengthen their socio-economy," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2025	HARIAN METRO	LOKAL	13

AGROBANK PERKENAL SKIM ISTIMEWA KAKITANGAN KERAJAAN

Warga KPKM perintis program

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyambut baik inisiatif Program Skim Istimewa Kakitangan Kerajaan iaitu kemudahan pembiayaan tunai eksklusif khas untuk kakitangan kementerian itu yang diperkenalkan Agrobank.

Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak berkata, program julung kali diperkenalkan kepada kakitangan kerajaan itu satu inisiatif yang tidak ditawarkan oleh mana-mana bank di negara ini.

Katanya, ia inisiatif yang baik kerana bayaran bulanan minimum boleh dibuat berdasarkan kadar keuntungan yang dikenakan ke atas had kemudahan yang digunapakai sahaja.

"Kami galakkan pegawai dan kakitangan memohon namun pastikan hanya

"Kami galakkan pegawai dan kakitangan memohon namun pastikan hanya yang layak serta mampu mengurus kewangan dengan baik supaya tidak terbeban"

Isham

yang layak serta mampu mengurus kewangan dengan baik supaya tidak terbeban," katanya pada majlis pelancaran program itu di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, inisiatif itu mencerminkan komitmen bank menyokong kakitangan KPKM yang memainkan peranan penting memacu pertanian mampan dan keterjaminan makanan negara.



ISHAM (tengah) bersama Tengku Ahmad Badli Shah (kanan) dan Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Ahmad Ariff Abu Bakar pada pelancaran Program Skim Istimewa Kakitangan Kerajaan. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

Menurutnya, ada 18,000 kakitangan termasuk agensi di bawah KPKM, dengan sasaran 8,000 kakitangan yang menyalurkan gaji melalui Agrobank bagi menyediakan akses mudah kepada pembiayaan kecemasan serta mengukuhkan asas deposit stabil.

Katanya, program berasaskan pembiayaan Islamik Tawarruq itu menawarkan kemudahan tunai sehingga RM15,000 dengan tempoh pembiayaan maksimum lima tahun serta kadar keuntungan kompetitif iaitu Kadar Asas Standard (KAS) + 3.45 peratus setahun.

"Kakitangan KPKM menjadi projek perintis bagi program ini sebelum diperluaskan kepada kementerian lain pada masa depan," katanya.

Melalui skim itu, pelanggan boleh menikmati transaksi lancar di seluruh negara menerusi rangkaian cawangan Agrobank, mesin ATM, perkhidmatan AGROAgent serta perbankan Internet AGRONet.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2025	HARIAN METRO	LOKAL	6

PETANI DAKWA 300 LITER TIDAK MENCUKUPI

Rayu tambah kuota BUDI95



Oleh Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Tasek Gelugor

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang menyelaraskan mekanisme pemberian subsidi di petrol Program Budi Madani RON95 (BUDI95) bagi mencari jalan penyelesaian terbaik untuk membantu golongan petani dan pesawah di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penyalarsan sedang dibuat melalui perbincangan dengan Kementerian Kewangan (MOF) selepas memperoleh aduan daripada golongan berkenaan yang mendakwa subsidi bahan api 300 liter sebulan tidak mencukupi bagi tujuan kerja pertanian.

"Memang (kita) ada terima aduan daripada (golongan petani, pesawah) berhubung pemberian subsidi petrol BUDI95 (tidak cukup 300 liter) dan Ketua Setiausaha Kementerian sedang menyelaraskan perkara itu (dengan MOF) untuk tindakan segera.

"(KPKM) berusaha memberi (bantuan) dalam pelbagai bentuk kepada mereka (golongan yang terbahit dalam pertanian)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya berkaitan dakwaan bahawa subsidi petrol 300 liter sebulan ti-



PETUGAS stesen minyak, Nurhaziera Sulaimi membantu penerima manfaat BUDI MADANI RON95 (BUDI95) Arif Abdullah untuk menggunakan inisiatif tersebut ketika tinjauan di Stesen Minyak di Pengkalan Jaya, Ipoh, semalam. Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dalam kalangan golongan B40 mula menikmati subsidi petrol RON95 pada harga RM1.99 seliter berbanding harga pasaran semasa RM2.05 seliter menerusi inisiatif BUDI95. Pelaksanaan bagi kumpulan kedua ini menyusuli kejayaan fasa pertama yang melibatkan kira-kira 300,000 anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang setakat tengah hari kelmarin berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

dak mencukupi untuk golongan pesawah dan petani yang memerlukan bahan api berkenaan untuk kerja-kerja pertanian.

Terdahulu, Mohamad ditemui pemberita pada Ma-

jlis Perasmian Program Perkerasan Sektor Pertanian Kampung Guar Petai di Dewan Penempatan Banjar Kampung Labuh Banting, di sini, semalam.

Pada 23 September lalu,

Gerakan Melawan Penindasan Petani (GEMPITA) menyarankan kerajaan mewujudkan kad petrol khas pesawah bagi memastikan golongan itu mendapat akses terus kepada subsidi

bahan api mengikut keperluan sebenar kerja sawah dan pertanian.

BUDI95 bermula kelmarin, dengan golongan pertama menikmati subsidi berkenaan terdiri daripada

anggota polis dan tentera. Ia diikuti semalam, dengan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) sebelum hari ini, ia akan dinikmati semua warga tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Bantuan subsidi petrol untuk petani, pesawah diselaras

TASEK GELUGOR: Satu perbincangan diadakan bersama Kementerian Kewangan untuk menyelaraskan bentuk bantuan kepada petani dan pesawah susulan aduan mengenai subsidi petrol di bawah inisiatif BUDI95.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya telah menerima aduan berkenaan dan keputusan mengenainya akan dilaksanakan segera.

"Itu (subsidi petrol RON95) sedang diselaraskan dan kita memberi (bantuan) dalam pelbagai bentuk kepada mereka (petani dan pesawah).

"Kita memang sedang usahakan. Kementerian (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) dan Ketua Setiausaha kementerian kini sedang menyelaraskan perkara itu (dengan kerjasama Kementerian Kewangan).

"Saya akan bagi (maklumat) secara *detail* (terperinci) selepas ini. Insya-Allah," katanya kepada pemberita pada Majlis Perasmian Program Pemerkasaan Sektor Pertanian Kampung Guar Petai di Dewan Penempatan Banjir Kampung Labuh Banting, di sini semalam.

Sebelum ini, Gerakan Melawan Penindasan Petani (Gempita) menyarankan supaya kerajaan mewujudkan kad petrol khas untuk pesawah bagi memastikan golongan itu mendapat akses terus kepada subsidi bahan api mengikut keperluan sebenar kerja sawah dan pertanian.

Koordinatornya, Mohd. Ashraf Mustaqim Badrul Muni berkata, hal ini demikian kerana, inisiatif BUDI95 yang diperkenalkan oleh kerajaan ketika ini tidak mengambil kira realiti penggunaan petrol untuk kelangsungan kerja pesawah di bendang.

Katanya, Gempita mencadangkan kerajaan segera wujudkan Kad Petrol Pesawah, seperti kad subsidi nelayan dengan pemantauan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2025	HARIAN METRO	LOKAL	10

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Padang Besar

Ancaman ikan invasif

Nelayan Tasik Timah Tasoh bimbang ikan tempatan pupus akibat dominasi spesies asing yang dibuang pihak tak bertanggungjawab

Keenikan Tasik Timah Tasoh di Empangan Timah Tasoh, Beseri di sini sememangnya menggamit pelancong domestik dan antarabangsa untuk berkunjung bagi menikmati keindahan alam.

Selain menjadi lokasi pemandangan matahari terbit serta keindahan Bukit Chabang yang terletak berhampiran, tasik berkeluasan 1,300 hektar itu juga habitat pelbagai ikan air tawar seperti lampam Jawa, tilapia, belida, sepat, baung dan haruan yang menjadi sumber rezeki nelayan.

Namun, saban tahun, ekosistem ikan asli di tasik semakin terancam akibat penguasaan ikan spesies asing invasif yang didakwa dilepaskan pihak tidak bertanggungjawab atas pelbagai alasan termasuk tujuan keagamaan seperti 'membayar niat'.

Timbalan Pengerusi Persatuan Nelayan Darat Tasik Timah Tasoh, Abd Azhar Aziz berkata, ancaman ikan asing menjejaskan pendapatan nelayan darat yang bergantung kepada hasil tangkapan ikan di kawasan tasik serta aktiviti lain berkaitan.

"Kami juga terbahit program myKomuniti Perikanan (myKP) di bawah Jabatan Perikanan Negeri Perlis (JPNP), iaitu program berkonsepkan komuniti perikanan setempat yang menjalankan aktiviti



“Ikan peacock bass adalah ikan invasif paling banyak ditemui”
Abd Azhar

IKAN dari jenis peacock bass, ikan bongkok dan ikan toman antara ikan invasif yang sering menjadi buruan pemancing rekreasi bagi mengurangkan populasi ikan itu di Tasik Timah Tasoh.

pengurusan sumber perikanan, perikanan tangkapan, akuakultur, industri asas tani perikanan, industri sokongan perikanan termasuk agropelancongan dan perikanan rekreasi.

"Namun kami sering mengesan ada individu tidak bertanggungjawab sengaja membuang ikan asing invasif ke dalam ta-

sik, menyebabkan berlaku pembiakan ketara. Tasik pula besar, mempunyai banyak lokasi tersembunyi untuk melepaskan ikan asing, jadi sukar mengawasinya.

"Ikan peacock bass adalah ikan invasif paling banyak ditemui dan ia pemangsa agresif yang memakan ikan kecil tempatan dan mampu

mengurangkan populasi spesies asli dalam tasik ini," katanya di kawasan operasi myKP Tasik Timah Tasoh, baru-baru ini.

Selain itu, Abd Azhar berkata, ikan bongkok atau nama saintifiknya *Geophagus* yang dikatakan berasal dari Itali juga dikesan menghuni tasik itu dan berisiko merosakkan ekosistem

ikan asli.

"Tidak cukup itu, ada individu yang kita kesan sengaja membuang ikan *alligator gar* yang menjadi pemusnah habitat tasik. Namun atas kerjasama nelayan darat, ikan jenis itu ditangkap dan dikeluarkan dari tasik.

"Yang terbaharu kita menerima maklumat ada ikan



toman. Walau ia ikan tempatan, kemampuannya membiak boleh mengatasi ikan asing invasif," katanya yang memaklumkan isu itu dipanjangkan kepada JPNP untuk tindakan lanjut.

Pemancing, Farid Hamid Jabar, 34, dari Pulau Pinang berkata, kerjasama antara komuniti nelayan dan Jabatan Perikanan penting dalam memastikan ekosistem dalam tasik ini terus terpelihara.

"Kita bukan berhadapan masalah pencemaran di tasik ini tetapi ancaman ikan spesies asing invasif yang sedikit sebanyak beri kesan kepada pihak berkaitan terutama nelayan.

"Saya nampak papan tanda larangan melepaskan ikan asing diletakkan sekitar tasik dan diharap semua pihak patuh dan lebih bertanggungjawab," katanya.

>>Ikuti penjelasan pihak berkuasa berhubung isu ini dalam terbitan *Harian Metro* esok.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2025	THE SUN	NATIONAL	4

Unite to strengthen food security: Officials

SHAH ALAM: Reducing Malaysia's reliance on imported food requires a united national effort, with states working hand in hand and agencies driving innovation.

Selangor Infrastructure and Agriculture Committee chairman Datuk Izham Hashim said Selangor and KL with their nine million residents, could not meet food demand without cooperation from other states with diverse resources.

"It is very difficult for us to meet the needs of Selangor and KL alone, but we can contribute to strengthening the national food chain through modernisation and high-value agriculture.

"If every state plays its role, the country's overall food supply will be more secure and reliance on imports reduced," he told reporters after officiating the Selangor AgroFest (SAF) 2025 at Stadium Shah Alam on Saturday.

He acknowledged challenges such as high costs and limited land in urban states, but urged others to embrace modern techniques.

"High-value methods like hydroponics can produce up to three times more than conventional farming. This must be treated as a discipline, supported by technology in seeding, production, marketing and storage.

"Malaysia spends RM7.5 billion annually importing vegetables and fruits we could grow ourselves."

The four-day SAF features 160 stalls and is expected to generate RM500,000 in sales, with 10 agripreneurs named as Selangor Agro Icons 2024/2025. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2025	HARIAN METRO	LOKAL	11

'Ahli AMANAH boleh usul apa saja'

Presiden parti tegaskan keputusan akhir tertakluk kepada pimpinan tertinggi pusat

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.com

Tasek Gelugor: Usul AMANAH Johor yang mencadangkan calon Pakatan Harapan (PH) bertanding di semua 56 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) itu sekiranya berlaku pertembungan tiga penjuror akan diputuskan ke-pimpinan tertinggi pada peringkat pusat apabila tiba Pilihan Raya Negeri (PRN) berkenaan nanti.

Presiden AMANAH, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata sama ada wakil negeri, Pemuda mahupun Wanita, boleh mengemukakan apa sahaja cadangan atau usul, namun keputusan akhir tertakluk kepada pimpinan pusat.

"Pihak negeri, Pemuda, Wanita (AMANAH) mereka boleh cadangkan apa-apa sahaja yang me-



Mohamad bersama penerima bantuan pada majlis perasmian Program Pemerkasaan Sektor Pertanian Kampung Guar Petai di Dewan Penempatan Banjir Kampung Labuh Banting, Tasek Gelugor, semalam. (Foto BERNAMA)

reka ingin cadangkan.

"Itu (cadangan atau usul) perkara biasa dalam mana-mana parti sekali pun, tetapi keputusan akhir akan dibuat oleh kepimpinan tertinggi pada peringkat nasional," katanya ketika diminta mengulas mengenai usul yang dikemukakan AMANAH Johor.

Mohamad yang juga Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ditemui pemberita pada majlis perasmian Program Pemerkasaan Sektor Pertanian

Kampung Guar Petai di Dewan Penempatan Banjir Kampung Labuh Banting, di sini, semalam.

Syor tanding di 56 kerusi DUN Kelmarin, AMANAH Johor dalam konvensyen parti berkenaan mengangkat tiga usul utama dalam mesyuarat perwakilan bahagian termasuk cadangan berhubung pertandingan tiga penjuror, isu air serta pelantikan Pengarah Pilihan Raya Pakatan Harapan (PH) di peringkat negeri.

Pengerusi AMANAH Johor, Aminolhuda Hassan dilaporkan berkata, usul pertama menyentuh soal kedudukan PH di Johor yang dicadangkan untuk bertanding di semua 56 kerusi DUN sekiranya berlaku pertembungan tiga penjuror.

Katanya, Barisan Nasional (BN) dikatakan tidak selesa sekiranya tiada pertandingan tiga penjuror, namun perkara berkenaan hanya boleh dibahas dan dicadangkan tetapi keputusan muktamad tetap ditentukan Ma-

jlis Presiden.

Pada Jun lalu, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi yang juga Pengerusi BN Johor menegaskan bahawa PRN Johor hanya akan diadakan selewat-lewatnya pada April 2027, sejajar dengan tempoh penggal pentadbirannya yang tamat pada tarikh berkenaan.

Untuk rekod, pada PRN Johor 2022, UMNO dan BN memenangi 40 daripada 56 kerusi DUN.

PH melalui DAP menang 10 kerusi, manakala PKR dan AMANAH masing-masing satu kerusi.

Perikatan Nasional (PN) pula memperoleh tiga kerusi dengan BERSATU dua kerusi dan PAS satu, sementara Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) turut memenangi satu kerusi.

Sementara itu, Mohamad berkata, bagi PRN Sabah pula pertandingan kerusi masih lagi berjalan dan cuba mendapatkan beberapa kerusi bagi membolehkan AMANAH turut bertanding.

"Buat masa ini (jumlah kerusi) belum diketahui lagi dan kita merancang untuk mendapatkan beberapa kerusi yang mana kita kini dalam proses rundingan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

Kastam rampas makanan sejuk beku RM2.45j tiada permit import

Operasi pada Jun, Julai di Klang sita tiga kontena

Kuala Terengganu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Terengganu merampas tiga kontena mengandungi 76,836 kilogram (kg) makanan sejuk beku bernilai RM2.45 juta dengan anggaran cukai kira-kira RM491,327.03 dalam operasi pada Jun dan Julai lalu.

Pengarah JKDM Terengganu, Hasbollah Din, berkata rampasan pertama membabitkan dada ayam sejuk beku di Zon Perdagangan Bebas, Klang, Selangor pada 23 Jun yang diikrar sebagai sayur campuran sejuk beku dan didapati tidak mempunyai sebarang permit import.

"Kes kedua pula membabitkan rampasan isi daging itik sejuk

beku yang diikrar sebagai sayur campuran sejuk beku pada 23 Julai di Terminal 1, Zon Perdagangan Bebas, Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, Selangor, manakala kes ketiga ialah rampasan ayam sejuk beku di Pelabuhan Klang pada hari sama," katanya dalam kenyataan, semalam.

Hasbollah berkata, ketiga-tiga kes menggunakan modus operandi pengikraran tidak benar dan disiasat di bawah Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967 yang boleh dikenakan denda tidak kurang 10 kali nilai barang atau RM100,000 atau mana-mana yang lebih besar dan tidak lebih 20 kali nilai barang atau RM500,000, yang mana-mana lebih besar atau dipenjarakan tidak kurang enam bulan atau tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.



Hasbollah Din

Bantu perangi penyeludupan

Mengikut seksyen itu juga, individu yang disabit kesalahan boleh didenda atau dipenjara tidak kurang tujuh tahun atau kedua-duanya.

"Kes turut disiasat mengikut Seksyen 132(1)(a) Akta Kastam 1966 yang jika disabit kesalahan boleh didenda tidak kurang RM500,000 atau dipenjara tidak kurang tujuh tahun atau kedua-duanya," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai membantu JKDM memerangi masalah penyeludupan, khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain.

Setiap aduan boleh disalurkan ke talian bebas tol kastam menerusi 1-800-88-8855. Semua identiti pemberi maklumat dijamin akan dirahsiakan.

BERNAMA



Rampasan pertama babitkan dada ayam sejuk beku di Zon Perdagangan Bebas, Klang, Selangor pada 23 Jun lalu.

(Foto ihsan FB Info Bencana Terengganu)

Tiga kontena mengandungi makanan sejuk beku RM2.45 juta disita kastam

Kuala Terengganu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Terengganu merampas tiga kontena mengandungi 76.836 kilogram (kg) makanan sejuk beku bernilai RM2.45 juta dengan anggaran cukai RM491,327.03 dalam operasi pada Jun dan Julai lalu.

Pengarah JKDM Terengganu Hasbollah Din berkata, rampasan pertama membabitkan dada ayam sejuk beku di Zon Perdagangan Bebas, Klang, Selangor pada 23 Jun yang

diiktar sebagai sayur campuran sejuk beku dan didapati tidak mempunyai sebarang permit import.

"Kes kedua pula melibatkan rampasan isi daging itik sejuk beku yang diiktar sebagai sayur campuran sejuk beku pada 23 Julai di Terminal 1, Zon Perdagangan Bebas, Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang,

Selangor manakala kes ketiga ialah rampasan ayam sejuk beku di Pelabuhan Klang pada hari yang sama," katanya dalam kenyataannya, semalam.

Hasbollah berkata, ketiga-tiga kes menggunakan modus operandi pengiktaran tidak benar dan disiasat di bawah Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967

yang boleh dikenakan denda tidak kurang 10 kali nilai barang atau RM100,000 atau mana-mana yang lebih besar dan tidak lebih 20 kali nilai barang atau RM500,000 yang mana-mana lebih besar atau dipenjarakan tidak kurang enam bulan atau tidak melebihi lima tahun atau ke-

dua-duanya sekali.

Mengikut seksyen itu juga, individu yang disabit kesalahan boleh didenda atau dipenjarakan tidak kurang tujuh tahun atau ke-

dua-duanya.

"Kes turut disiasat mengikut Seksyen 132(1)(a) Akta Kastam 1966 yang jika disabit kesalahan boleh didenda tidak kurang RM500,000 atau dipenjarakan

tidak kurang tujuh tahun atau kedua-duanya," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai membantu JKDM menangani masalah penyeludupan, khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain.

Setiap aduan boleh disalurkan ke talian bebas tol kastam menerusi 1-800-88-8855. Semua identiti pemberi maklumat dijamin akan dirah-